

05 OCT 1998

Mohamed-Pilihan raya

KEPIMPINAN HANYA BOLEH DITUKAR MENERUSI PILIHAN RAYA, KATA MOHAMED

KUALA LUMPUR, 5 Okt (Bernama) -- Menteri Penerangan Datuk Seri Mohamed Rahmat hari ini berkata rakyat hanya boleh menukar kepimpinan negara menerusi pilihan raya dan bukannya melalui gerakan reformasi.

Ketika berucap pada perhimpunan bulanan Kementerian Penerangan di sini, beliau berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hanya boleh diturunkan dengan campur tangan rakyat menerusi pilihan raya.

Katanya, banyak pihak termasuk pemimpin masyarakat dunia tidak mendapat penjelasan sebenarnya berhubung isu pemecatan jawatan Datuk Seri Anwar Ibrahim dari kerajaan dan parti.

Tujuan media asing mencetuskan dakwaan bahawa di negara ini tiada demokrasi dan kebebasan hanya untuk mengganggu rakyat dengan dakwah negatif supaya rakyat hilang pertimbangan dan akan menjatuhkan Dr Mahathir, kata Mohamed.

Katanya, media asing dan pemimpin terbabit juga mungkin sengaja tidak faham kerana ingin melemah dan memusnahkan negara ini dengan menjatuhkan pemimpin negara menerusi gerakan reformasi.

Beliau meminta semua pihak yang cintakan negara ini bersabar dan menggunakan pertimbangan sewajarnya mengenai isu itu bagi mengikis kepentingan mana-mana individu dengan mengutamakan negara.

Mohamed juga mengingatkan pegawai dan kakitangan kerajaan agar tidak menggunakan peralatan pejabat untuk mencetak dan menyebarkan risalah menyokong gerakan reformasi Anwar.

"Perkara berkenaan tidak sepatutnya berlaku kerana kakitangan kerajaan perlu menjaga peralatan pejabat dan menggunakan kemudahan itu hanya untuk urusan rasmi sahaja," katanya kepada Bernama selepas perhimpunan itu.

Katanya, terdapat segelintir kakitangan kerajaan di Johor yang dikesan terbabit mencetak bahan-bahan yang menyokong gerakan reformasi itu.

Beliau meminta ketua-ketua jabatan memberi perhatian dan mengawasi masalah berkenaan dengan menjelaskan kepada kakitangan terbabit bahawa mereka boleh dikenakan tindakan.

Kementerian Penerangan serta agensinya akan memberi penjelasan kepada semua kakitangan berhubung isu perlucutan jawatan Anwar bagi membolehkan mereka (kakitangan) memahami masalah berkenaan dan seterusnya bekerjasama memberi penjelasan kepada rakyat.

-- BERNAMA

RZS MAI